



# UNIMAS

## HUMAN RESOURCE BLUEPRINT

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
**Universiti Malaysia Sarawak**

Arkib  
HF  
5549  
B151

## KATA ALUAN

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera

P. KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK

UNIMAS



1000272766

Pendidikan tinggi merupakan salah satu tunjang kepada pembangunan sesebuah negara. UNIMAS sebagai sebuah universiti awam terulung di Sarawak turut memainkan peranan yang signifikan dalam menyediakan ilmu dan kemahiran kepada generasi kini dan generasi akan datang bagi memacu pertumbuhan ekonomi.

Kejayaan sesebuah organisasi yang cekap dan produktif banyak pencapaian telah dicapai. Sesungguhnya, kejayaan ini adalah hasil dedikasi dan kegigihan bersama barisan pentadbir utama, pegawai akademik, pegawai pengurusan dan profesional serta kakitangan sokongan yang menjadi teras kekuatan UNIMAS sejak dahulu hingga kini.

Namun kini, cabaran dalam menguruskan institusi pengajian tinggi semakin mencabar dan usaha untuk melestarikan kejayaan sedia ada menuntut kesungguhan dari semua warganya. Justeru pengurusan sumber manusia harus sentiasa selari dengan inisiatif kerajaan yang kini mengiktiraf sumber manusia sebagai daya penggerak transformasi melalui kepelbagaian program pembangunan Negara yang telah dirancang.

UNIMAS melalui Bahagian Pembangunan Sumber Manusia di bawah Pejabat Pendaftar telah merangka UNIMAS HR Blue Print yang menjadi panduan dan rujukan dalam membangunkan modal insan yang dinamik, unggul dan kompeten. Melalui HR Blue Print ini, adalah diharapkan UNIMAS akan terus unggul dan cemerlang sebagai sebuah UA ulung di Sarawak yang mana keberadaannya perlu dirasai oleh seluruh warga tempatan dan luar melalui kecemerlangan pendidikan dan penyelidikan yang bertaraf global.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pejabat Pendaftar dan semua pihak yang telah menyumbang kepada penulisan dan penerbitan HR Blue Print ini. Saya akui bahawa bukanlah mudah untuk melaksanakan transformasi pengurusan sumber manusia, kerana kita bakal berdepan dengan pelbagai cabaran sepanjang tempoh pelaksanaannya. Tetapi yakinlah, dengan usaha gigih dan keikhlasan kerja semua yang terlibat, akan membuahkan hasil yang berimpak tinggi, signifikan serta berupaya memacu kemajuan universiti.

**YBhg Prof Dato' Dr Mohamad Kadim Suaidi**  
NAIB CANSELOR  
UNIMAS

With Compliments  
from

*Bahagian Pengurusan Sumber Manusia*



## **PERANCANGAN DAN PELANTIKAN SUMBER MANUSIA UNIMAS**

Organisasi yang menawarkan perkhidmatan berdasarkan kecemerlangan ilmu memerlukan kumpulan warga berbakat dan *knowledge driven* untuk memacu Negara sebagai hub kecemerlangan pengajian tinggi. Pencarian terhadap bakat-bakat yang bersandarkan pengalaman dan kelayakan akademik serta memiliki budaya profesionalisme memerlukan beberapa strategi pintar. Program yang berasaskan pelan tindakan yang komprehensif perlu diwujudkan bukan sahaja untuk melahirkan ahli akademik tetapi juga pengurus akademik serta kumpulan pelaksana yang berwibawa. Kerangka perundangan dan dasar yang memudahkan pelaksanaan pelan tindakan bagi melahirkan bakat-bakat baru dan tersohor perlu diwujudkan. Antara program yang dirangka adalah seperti yang akan dibentangkan.

## **PEMBANGUNAN DAN PENINGKATAN INTEGRITI, KEPAKARAN, KEMAHIRAN DAN PENGETAHUAN SUMBER MANUSIA UNIMAS**

Sumber manusia sesebuah organisasi merupakan modal insan yang sekiranya dibangunkan dan dibentuk berupaya memacu organisasi tersebut ke tahap yang lebih tinggi sesuai dengan pencapaian aspirasi yang ditetapkan. Maka, program dan aktiviti serta tindakan perlu disusun, sesuai dengan agenda memartabatkan dan memperkukuhkan Pendidikan Tinggi Negara. Proses pembangunan keupayaan individu akademik dan pentadbiran akan mewujudkan ekosistem pendidikan tinggi yang bertaraf dunia. Melalui falsafah pembangunan modal insan berteraskan budaya kelas pertama dan bersifat global, program latihan dan pembangunan yang sistematik perlu dibangunkan dalam pelan strategik sumber manusia pendidikan tinggi.

Perancangan Pembangunan Sumber Manusia UNIMAS adalah untuk mensasarkan barisan ahli akademik yang mempunyai ciri-ciri kepimpinan intelek dan integriti yang tinggi serta para pentadbir berbudaya kerja cemerlang dan menjadi rujukan dalam bidang kepakaran serta kaya dengan sifat integriti, akuntabiliti dan profesionalisma.